

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
 DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 10 BILANGAN 15 RABU 21 JULAI, 1965 رابو 22 ربيع الاول 1385 PERCHUMA

RA'AYAT JELATA DI-SELUROH NEGARA BERGEMBIRA MENYAMBUT PERKAHWINAN DULI PENGIRAN MUDA MAHKOTA

BANDAR BRUNEI. — Perkahwinan di-antara Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkia, ia-itu Putera sulong kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Saleha, Puteri sulong kapada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha Muda Haji Mohamed Alam dan Isteri akan di-adakan pada hari Khamis 29 Julai, 1965.

Ra'ayat jelata di-seluruh negara dan lain2-nya akan bergembira semasa di-adakan perayaan2 bagi menyambut Hari Perkahwinan Diraja yang bersejarah itu.

Berbagai2 achara persembahan yang meriah akan di-adakan di-Istana Darul Hana, di-rumah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha dan di-Bandar Brunei pada masa sambutan Perkahwinan Diraja itu.



Yang Amat Mulia Pengiran Anak Saleha.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri kelihatan dalam gambar ini bersama2 dengan Putera-Puteri Baginda2. Berdiri bilangan kedua dari kanan ia-lah Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkia.

SHARIKAT MINYAK SHELL HADIAHKAN BEASISWA KAPADA 28 ORANG PENUNTUT2

SERIA. — Sharikat Minyak Shell Brunei mengumumkan pemberian tiga beasiswa Sekolah Menengah Tinggi kepada tiga orang anak para pekerja-nya untuk tahun 1965. Selain dari beasiswa Menengah Tinggi tersebut, Sharikat Minyak itu mengumumkan juga pemberian 25 buah beasiswa Senior Cambridge kepada 11 orang budak2 lelaki dan 14 orang budak2 perempuan yang semua-nya ada-lah anak2 para pekerja-nya.

BEASISWA MENENGAH TINGGI

Tiga orang penuntut2 yang memenangi beasiswa Menengah Tinggi tahun ini ia-lah: Kok Fhoon, yang sekarang sedang menuntut di-Bukit Bintang Boys' Secondary School, Kuala Lumpur; Frank Singh, menuntut di-St. Michael's School, Seria dan Nona Siew Phin, menuntut di-St. Columba's School, Miri.

BEASISWA SENIOR CAMBRIDGE

Perempuan — Nona Juliana Tiong, St. Angela's Convent, Seria; Nona Veraline Chua, St. Angela's Convent, Seria; Nona Annie Lee, St. Angela's Convent, Seria; Dayangku Mariam, anak perempuan Pengiran Matarsat bin Pg. Mohamad, Maktab Anthony Abell, Seria.

Nona Elizabeth Wong, St. Margaret's School, Seria; Nona Agnes Chai, St. Angela's Convent, Seria;

Nona Agnes Juttie, St. Margaret's School, Seria.

Nona Carol Ann dan Nona Valerie Celine, St. Angela's Convent, Seria; Nona Bella Foo, St. Angela's Convent, Seria; Nona Susan Mathews, St. Phillip and St. James' School, Kuala Belait.

Nona Eileen Pilai, St. Margaret's School, Seria; Nona Jessie, St. Angela's Convent, Seria; Nona Choi Khun, St. Margaret's School, Seria.

Lelaki: Ronald Shim, St. Michael's School, Vincent Wong, St. Margaret School; Lap Sing Chow, St. Michael's School, Yam Ming Boon, St. Margaret's School; Francisco, St. Michael's School; V. P. Nanda Kumaran, St. Michael's School.

Rajan, St. Michael's Timothy, St. Margaret's; Nelson, St. Margaret's; Khoon Chye, St. Michael's; Joseph Hak Hin, St. Michael's School, Seria.

Sambutan Maulud di-Sengkurong

SENGKURONG. — Penduduk2 di-Mukim Sengkurong telah menyambut Hari Kelahiran Nabi Mohamed s.a.w., dengan mengadakan satu majlis yang meriah di-Sekolah Melayu Sengkurong pada malam 17 Julai, 1965.

Ramai penduduk2 di-Mukim Sengkurong dan lain2-nya telah hadir di-majlis itu.

Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei, Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin telah melafadzkan satu Sharahan khas di-majlis tersebut, mengandungi riwayat hidup Junjongan Kita Nabi Mohamed s.a.w. disamping memberikan nasehat2 yang berfaedah kepada Umat Islam di-Negeri Brunei.

Majlis itu di-mulai dengan ucapan alu2an oleh Setia Usaha Sambutan itu, Awang Md. Tamit bin Haji Mangol. Kemudian dituruti dengan persembahan Lagu Nashid oleh murid2 Sekolah Ugama Sengkurong dan ucapan oleh Pengerusi sambutan tersebut, Awang Abdul Manaf bin Jambul.

Sa-lepas itu telah di-adakan Peraduan Bachaan Al-Kura'an Bahagian Kanak2 Lelaki dan Pe-

empuan serta Orang2 Dewasa Lelaki dan Perempuan serta juga Peraduan Sharahan Ugama Bahagian Kanak2 dan Orang2 Dewasa, Lelaki dan Perempuan yang tinggal di-Mukim Sengkurong.

Kemonchak dari acara2 tersebut ja-lah Persembahan Tablo berjudul "Pembalasan".

Tablo itu di-persembahkan oleh Persatuan Belia Sengkurong, di-bawah arahan Awang Tuah bin Noordin.

Penasehat Sambutan Maulud Nabi Mohamed s.a.w., Mukim Sengkurong, Awang Sulaiman bin Haji Salleh, telah berucap sa-lepas di-adakan persembahan Tablo itu.

Kemudian Penghulu Mukim Sengkurong, Yang Mulia Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman bin Haji Tamit, telah menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya dalam Peraduan2 Bachaan Al-Kura'an dan Sharahan.

Majlis itu di-tamatkan dengan Bachaan Do'a Selamat oleh Awang Abdullah bin Muhammad pada pertengahan malam.

PELUKIS DEWAN BAHASA Berchuti Di-Tanah Ayer

BANDAR BRUNEI. — Awangku Asmalee bin Pengiran Ahmad, sa-orang Pelukis Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei telah kembali ka-Brunei dari England baru2 ini untuk berchuti di-Tanah Ayer.

Beliau telah ber-angkat ka-England da-lam bulan September

tahun 1963 untuk menghadhiri Kursus Seni Lukis di-Maktab Lukisan Hornsey, London selama empat tahun.

Awangku Asmalee akan balek ka-England pada 19 September akan datang untuk meneruskan latehan-nya di-sana.

Dalam satu pertemuan dengan Awangku Asmalee, beliau berkata bahawa semasa beliau berada di-London, beliau mempunyai banyak pengalaman dalam perkara2 yang bersangkutan paut dengan Seni Lukis.



Awangku Asmalee

Dengan pengalaman itu, kata beliau, dapat-lah beliau menyumbangkan tenaga-nya untuk faedah penuntut2 dan peminat2 Seni Lukis di-Brunei.

Awangku Asmalee sukachita memberi nasehat kepada pelukis2 tempatan supaya mereka mengambill berat mempelajari ilmu lukisan dengan sa-sunggoh2-nya kerana di-satu masa nanti, lukisan2 mereka itu ada-lah di-hargai dan akan di-pamerkan kelak.

Mashuarat Agong Majlis Pandu Puteri

BANDAR BRUNEI. — Isteri Yang Terutama Awang F. D. Webber, Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, telah di-jemput untuk menjadi Yang Dipertua Majlis Pandu Puteri Negeri Brunei.

Lantekan tersebut telah di-persetujui da-lam Mashuarat Agong Majlis Pandu Puteri Negeri Brunei, bertempat di-Ibu Pejabat Pandu Puteri di-Bandar Brunei baru2 ini.

Majlis itu di-pengerusi oleh Pesuruh Jaya Pandu Puteri Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Noor Ehsani.

Di-antara para hadhirin di-majlis itu ia-lah Pesuruh Jaya Pandu Puteri bagi Daerah Brunei, Chegu Pengiran Umi binte Pengiran Idrus; Dayang Marhani binte Abdul Latiff, Dayang Wheeler, Dayang Mitchell-Hill dan beberapa orang yang lain.

Dayang Mitchell-Hill, telah dengan sukachita-nya, menerima jempunan untuk memangku jawatan sa-bagai Pesuruh Jaya Pandu Puteri bagi Daerah Seria/Belait sa-hingga sa-orang wanita tempatan di-lantek untuk menjawat jawatan itu.

PEGAWAI2 BARU

Pegawai2 baru Majlis Pandu Puteri Negeri Brunei yang telah di-lantek dalam mashuarat tersebut ada-lah seperti berikut:

Yang Dipertua: Isteri Yang Terutama Awang F. D. Weber, Pesuruh Jaya Tinggi British di-

Brunei. Naib Yang Dipertua: Dayang H. Fletcher.

Setia Usaha Kehormat: Dayang Jusnani binte Lawie. Penyimpan Wang: Awang M. Fosdar. Setia Usaha Lenchana dan Perkakas2: Dayang G. Crowhurst.

Ahli2 Jawatan Kuasa: Dayang P. Coates, Dayang S. Butterell, Dayang E. Fothergill dan Awang G. V. de Freitas.

Pendaftaran Bakal2 Haji

BANDAR BRUNEI. — Pendaftaran Bakal2 Haji untuk tahun 1966 ada-lah sekarang di-jalankan di-Pejabat Hal-Ehwal Ugama Brunei dan pendaftaran ini akan di-tutup pada 31 Ogos, 1965.

Orang2 Islam yang berhajat untuk menunaikan fardzu Haji pada tahun tersebut ada-lah di-nasehatkan mendaftarkan nama2 mereka dengan menggunakan borang2 yang boleh di-perolehi di-Pejabat Hal Ehwal Ugama Brunei, Pejabat2 Daerah dan Pejabat Kadzi di-Daerah masing2.

BAHASA JIWA BANGSA

GUNAKAN-LAH BAHASA MELAYU —

BAHASA RASMI NEGERI INI !

P. D. BRUNEI DAN MUARA Merasmikan Pembukaan Mukim Council Berakas

BERAKAS. — Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar telah merasmikan pembukaan Mukim Council Berakas di-Sekolah Melayu Anggerek Desa pada pagi hari Juma'at 16 Julai, 1965.

Di-antara ramai para hadirin di-majlis tersebut ia-lah Penolong Menteri Pertanian Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh; Penolong Menteri Kesehatan Yang Berhormat Pehin Bendahari China Hong Kok Tin; Timbalan Pengarah Penyiaran dan Penerangan Brunei, Awang Mohamed Salleh Kadir dan lain2-nya.

Sa-belum merasmikan pembukaan Mukim Council itu, Awang Ali telah mengucapkan terima kasih atas kesudian Ahli2 Jawatan Kuasa Mukim Council itu menjemput beliau untuk merasmikan pembukaan Mukim Council itu.

Beliau menegaskan bahawa Mukim Council itu ada-lah menjadi Batu Asas untuk perpaduan penduduk2 di-Mukim Berakas dari segala bangsa dan berharap sa-moga perpaduan yang rapat

Sambutan Maulud di-Lumapas

LUMAPAS. — Penduduk2 di-Lumapas telah menyambut Maulud Nabi Mohamed s.a.w., dengan mengadakan satu perarakan dan perjumpaan pada pagi hari Juma'at yang lalu.

Perjumpaan tersebut telah diadakan di-Padang Sekolah Melayu Lumapas. Ramai umat Islam, lelaki dan perempuan telah hadir di-majlis tersebut.

Sambutan Maulud Nabi itu di-mulai dengan baca'an Al-Kura'an oleh Dayangku Pungut.

Sharahan berkenaan dengan Riwayat Hidup Junjongan Kita Nabi Mohamed s.a.w., telah di-lafadzkan oleh Chegu Awang Yahya dan Chegu Awang Matusin.

Selain dari itu telah juga diadakan Nashid oleh murid2 Sekolah Melayu Lumapas.

Sambutan tersebut di-tamatkan dengan bacaan Do'a Selamat oleh Yang Mulia Awang Haji Kamis bin Orang Kaya Kesuma Haji Tahir.

itu akan kekal selama2-nya.

Pengerusi Mukim Council Berakas, Yang Mulia Pengiran Haji Buntar bin Pengiran Sulaiman telah mengucapkan berbanyak2 terima kasih atas kesudian Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar hadir untuk merasmikan pembukaan Mukim Council Berakas.

Dalam ucapan-nya, Pengiran Haji Buntar telah menyeru kepada semua ahli2 Mukim Council itu dan penduduk2 kampung di-Mukim Berakas supaya bermuafakat dan bekerjasama dalam segala lapangan untuk kemajuan Mukim Berakas itu.

Terlebih dahulu ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Setia Usaha Mukim Council Berakas Pengiran Tajuddin bin Pengiran Hashim dan oleh Awang Pudin bin Jumahat selaku wakil penduduk2 Kawasan Berakas.

SAMBUTAN MAULUD Anjoran Badan Penerangan Ugama Islam Brunei

BANDAR BRUNEI. — Satu upacara Malam Sambutan Maulud Nabi Mohamed s.a.w, dibawah anjoran Badan Penerangan Ugama Islam, Brunei akan di-langsungkan di-Dewan Kamasharakatan, Bandar Brunei pada 24 Julai, mulai pukul 7-30 malam.

Majlis tersebut akan di-buka dengan rasmi-nya oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwat Ugama

Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin.

Di-antara achara2 yang akan di-adakan di-majlis tersebut ialah Peraduan Sharahan Khas mengenai Maulud Nabi Mohamed, Persembahan sa-buah Tablo dan Lawak Jenaka.

Majlis itu ada-lah terbuka kepada orang ramai.

Sharahan Ugama Islam

BANDAR BRUNEI—Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam Brunei akan melawat ka-tempat2 di-bawah ini pada hari Juma'at 30 Julai, 1965 untuk memberikan sharahan berkenaan dengan Ugama Islam: —

(b) Mulai pada pukul 11 pagi hingga ka-pukul 12-30 tengah hari di-Masjid Sungai Liang, Belait.

(b) Mulai pada pukul 2 petang hingga ka-pukul 4 petang di-Sekolah Melayu Kampong Burong Pingai, Berakas.

Orang ramai, lelaki dan perempuan, ada-lah di-jemput hadir di-majlis2 tersebut untuk mendingarkan sharahan berkenaan dengan Ugama Islam kita yang maha suchi.

Waktu2 Sembahyang, Imsak Dan Mata - Hari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 21 Julai hingga ka-hari Selasa 27 Julai, 1965 ada-lah seperti di-bawah ini: —

Hari Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
21	12.32	3.50	6.42	7.53	4.42	4.57	6.15
22	12.32	3.50	6.42	7.53	4.42	4.57	6.15
23	12.32	3.50	6.42	7.53	4.42	4.57	6.15
24	12.32	3.50	6.42	7.53	4.42	4.57	6.15
25	12.32	3.50	6.42	7.53	4.42	4.57	6.15
26	12.32	3.50	6.42	7.53	4.42	4.57	6.15
27	12.32	3.50	6.42	7.53	4.42	4.57	6.15

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

Meshuarat Agong P. I. M.

KUALA BELAIT — Mashuarat Agong Persatuan Ikhwanul Muslimin akan di-langsungkan pada hari Ahad, 25 Julai yang akan datang, bertempat di-Dewan Bachaan, Jabatan Penyiaran dan Penerangan di-Kuala Belait. Mashuarat itu akan di-mulai pada pukul 10 pagi.

Penyata Tahunan Jawatan Kuasa dan menerima Penyata Kewangan ada-lah di-antara agenda yang akan di-binchangkan dalam mashuarat tersebut.

Anggota2 Jawatan-kuasa yang baru akan di-lantek dalam meshuarat tersebut.

Melanjutkan Pelajaran Ka-Singapura

Dalam gambar ini kelihatan 20 orang penuntut2 Sekolah2 Melayu dan Inggeris di-Negeri Brunei sebelum mereka berangkat ka-Singapura baru2 ini untuk melanjutkan pelajaran mereka.



Y.T.M. DULI PENGIRAN MUDA MAHKOTA DAN Y.A.M. PENGIRAN ANAK SALEHA

Di-Ishtiharkan Sa-bagai Suami Isteri Pada 29 Julai

DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Raja Isteri di-jangka akan menerima lebih dari 10,000 orang tetamu seluruh negeri ini kerana meraikan istiadat perkahwinan putera sulong baginda kedua, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah dengan tunangan-nya Yang Amat Mulia Pengiran Anak Saleha, puteri sulong kepada Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha Muda Haji Md. Alam dan isteri.

Hari perkahwinan kerabat diraja Brunei itu akan berlangsung pada hari Khamis 29 Julai, 1965 ia-itu hanya tinggal delapan hari saja lagi dari hari ini.

Pertunangan antara kedua2 kerabat di-raja Brunei itu telahpun di-abadikan di-Istana Darul-Hana dalam beberapa hari yang lalu dengan tidak ada gangguan atau rintangan, bahkan telah berjalan dengan lincin-nya.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah bersama2 dengan adinda-nya Yang Amat Mulia Duli Pengiran Muda Mohammad Bolkiah dalam jangka beberapa tahun yang lalu telah belayar ka-sa-berang laut (London) untuk menuntut pelajaran sesuai dengan proses zaman ini. Pada masa ini, kedua2-nya sedang berchuti di-tanah ayer.

Yang Teramat Mulia itu telah di-puterakan pada 15 Julai, 1946 dan telah di-tabalkan menjadi Pengiran Muda Mahkota pada 14 Ogos, 1961 dengan chukup adat istiadat penabalan yang tiada chachat chela-nya sapertimana yang di-warisi oleh kerabat Diraja Brunei sejak beratus2 tahun yang lalu.

Tunang Yang Teramat Mulia itu, Pengiran Anak Saleha adalah juga puteri sulong kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha Muda Haji Mohammad Alam dan isteri.

BIJAKSANA

Pengiran Anak Saleha ia-lah sa-orang penuntut Form 3B, di-Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei dan menurut kalangan yang tertentu di-sekolah itu, Pengiran Anak Saleha ada-lah sa-orang penuntut yang sentiasa memusatkan perhatiannya kepada pelajaran dan sering mengambil bahagian dalam lapangan sosial di-sekolah-nya. Pengiran Anak Saleha ada-lah juga sa-orang penuntut yang telah di-chalonkan untuk menjadi salah sa-orang "prefect" di-sekolah tersebut.

Pengiran Anak Saleha telahpun menduduki pepereksaan pertengahan tahun, tapi masa ini beliau telah meninggalkan sekolah-nya.

Usia Pengiran Anak Saleha pada masa ini telah meningkat ka-19 tahun dan tarikh kelahirannya ia-lah pada 7 Oktober, 1946.

Istiadat berjaga2 di-Istana Darul Hana dan di-Rumah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha telahpun dibuka pada beberapa hari yang baharu lalu dan istiadat yang permai itu telah di-jalankan chukup dengan peralatan di-raja-nya serta di-iringi dengan paluan gendang, tiupan serunai dan nafiri bagi menandakan bahawa istiadat ber-

di-rumah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha telah di-sinari dengan lampu2 lektrik yang beraneka warna.

SEJARAH NEGARA

Perkahwinan diraja itu ada-lah di-jangkakan akan mendapat sambutan yang meriah, baik di-kalangan kerabat diraja di-Brunei ini dan mahupun di-kalangan ra'ayat, kerana dalam sejarah Negeri Brunei ia-itu dari sejak Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan di-tabalkan menjadi Sultan yang ke-28 bagi Negeri Brunei Darussalam, ini-lah julong2 kali-nya perkahwinan kalangan istana di-jalankan.

Di-kalangan pejabat2 Kerajaan dan perniagaan, persatuan2 dan kelab2 ada-lah di-jangkakan akan mempersembahkan persembahan2 mereka masing2.

Di-Padang Besar Bandar Brunei, beberapa buah pentas dan gerai2 permainan telah di-dirikan, 3 buah pentas serupa juga telah di-dirikan di-pekarangan Istana Darul Hana dan sa-

Tetapi, yang menarek hati antara kumpulan persembahan2 itu, bukan hanya datang-nya dari bumi putera, bahkan dari bangsa2 yang tinggal dalam negeri ini yang juga menandakan betapa perasaan perhubungan berbaik2 di-kalangan penduduk2-nya.

Untuk lebih memeriahkan lagi sambutan perkahwinan diraja itu, maka berbagai2 persembahan ra'ayat yang telah di-hulorkan sachara sukarela sa-bagai menandakan kesukoran mereka, akan di-lancharkan mengikut susunan ranchangan.

SATU LAGI PERKAHWINAN DI-RAJA

Sa-telah selesai sahaja perkahwinan antara Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Saleha, maka dalam jangka tidak beberapa bulan sahaja, akan berlangsung pula satu lagi perkahwinan diraja.

Kalangan Istana menyatakan bahawa perkahwinan diraja itu ia-lah antara Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna, puteri yang pertama Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Raja Isteri dengan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Sha'ari, putera yang ke-enam kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara Muda Haji Hashim.


Perkahwinan diraja itu di-jangka akan di-langsungkan dalam bulan September ini.

Lumba Perahu Di-Sungai Brunei

BANDAR BRUNEI — Satu temasha Lumba Perahu dan Motor Sangkut akan di-adakan di-Sungai Brunei pada hari Ahad 25 Julai, 1965 sebagai menyambut Perkahwinan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mahkota dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Saleha.

Temasha Lumba Perahu itu akan di-mulai pada pukul 8 pagi dan perlumbaan akhir akan di-mulai pukul 4-30 petang.

Sa-banyak 12 jenis perlumbaan akan di-adakan, di-antara-nya ia-lah Lumba Perahu 1 orang dari Pandai Besi, Lumba Perahu 30 orang dari Kuala Lumapas, Lumba Motor Sangkut 18 kekuatan kuda membawa 2 orang penumpang dan Lumba Perahu Motor Sangkut 18 kekuatan kuda yang badan perahu itu buatan luar negeri.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha Muda Haji Mohamed Alam dan Isteri, ia-itu Ayahenda dan Bonda Yang Amat Mulia Pengiran Anak Saleha.

jaga2 bagi perkahwinan diraja itu telah pun di-jalankan.

KEPAHLAWANAN

Sambutan di-kalangan ra'ayat negeri ini bagi perkahwinan diraja itu ada-lah tidak ketinggalan juga dengan membawa persembahan masing2 yang berupa tari2an, sha'er2an dan juga kesenian kepahlawanan Melayu yang tak kunjong pudar dek pergolakan zaman ia-itu "penchak dan silat".

Di-sepanjang jalan dari kawasan Bandar Brunei hingga jalan2 ka-Istana Darul Hana dan

buah pentas besar di-dirikan di-rumah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha. Jarak antara Istana Darul Hana dengan rumah Yang Teramat Mulia itu ia-lah kira2 3 rantai.

PERSEMBAHAN RA'AYAT

Jawatankuasa yang di-bentuk bagi persembahan2 ra'ayat telahpun menerima permohonan2 untuk mempersembahkan persembahan2 mereka baik di-waktu malam, mahupun di-waktu siang hari.

TINJAUAN DUNIA HARI INI

STEVENSON DALAM KENANGAN

"Peperangan di-Vietnam mestilah di-selesaikan sechra adil dan terhormat, kerana masaalah pokok persengketaan di-Vietnam ialah menegakkan hakekat, bahawa perubahan2 di-Asia tidak boleh di-adakan dengan paksaan luar".

Itu-lah seruan terakhir mendiang Tuan Adlai Ewing Stevenson, ketua perwakilan Amerika Sharikat ka-Pertubuhan Bangsa2 Bersatu, yang di-dengar oleh berjuta2 ra'ayat di-Britain, hanya beberapa minit sa-telah Stevenson meninggal dunia di-London, pada hari Rabu, 14 haribulan Julai kira2 seminggu dulu, jam 5-00 petang waktu Britain. Seruan mendiang Adlai Stevenson itu telah di-buat, ketika beliau mengadakan satu interview dengan Radio BBC London, kurang dari setengah jam sebelum meninggal dunia. Rakaman temu ramah itu telah di-terbitkan kerana kandungan-nya merupakan bahan utama yang perlu di-dengar oleh dunia, terutama sekali ra'ayat di-Britain, di-mana Tuan Stevenson membuat kunjongan singkat dan private, selepas sidang di-Geneva, dan dalam perjalanan pulang ke-New York.

MENGEJUTKAN

Berita kematian Tuan Stevenson sechra mengejut itu, telah memeranjatkan seluruh negara Amerika, kerana pemerintahan President Johnson kehilangan sa-orang diplomat yang bijak, yang di-hormati dan di-segani oleh pehah kawan dan lawan, terutama sekali dalam perbathasan di-Bangsa2 Bersatu. Kepada Amerika, Tuan Stevenson ada-lah sa-orang yang menjadi teman dan panduan kepada seluruh kemanusiaan.

Pemergian mendiang Tuan Stevenson buat selama2-nya itu juga, adalah menjadi pukolan kepada President Johnson, kerana di-sa'at keadaan dunia maseh genting, seperti yang ada sekarang, di-sa'at ini-lah, penjelasan ada-lah lebeh penting dari segala2-nya mengenai harapan membaik2 dasar2 Amerika yang dynamic.

Kepada Bangsa2 Bersatu pula, Pertubuhan Badan Se-dunia itu kehilangan sa-orang tokoh yang selama ini telah memberikan buah fikiran yang munasabah, untuk di-jadikan printis kepada persetujuan di-satu2 persidangan dalam majlis mesuarat, yang selama ini mendebatkan pre-hal dunia antara bangsa, dari semua lapangan. Ini dapat di-buktikan dari nama Tuan Stevenson, yang sering di-sebut2kan dalam akhbar2 dan radio, di-petik dari kebijaksanaan-nya dalam dewan sidang Badan Antara Bangsa itu. Bagaimana pun, ketika mendiang Tuan Stevenson menemui maut-nya di-kota London itu, tidak ada satu persidangan pun yang di-jalankan di-Bangsa2 Bersatu, di-mana setiap persidangan, jika di-hadhi, Tuan Stevenson bukan hanya menjadi tokoh pembicara yang paling memikat dan

Oleh: HANAFI JOFFRI

bijak, bagi kepentingan ra'ayat Amerika, tetapi juga keinsafan-nya untuk memenuhi gulongan dalam sidang yang memerlukan nasehat baik beliau, hingga terchapai-nya sesuatu, yang membuahkan sama ada persetujuan atau perjanjian satu2 penyelesaian sengketa.

PENDAMAI

Stevenson semasa hayat-nya, adalah berjuang untuk perdamaian. Perdamaian yang di-harapkan2 oleh seluruh negara yang menghadapi persengketaan. Daya usaha Tuan Stevenson untuk mencapai persetujuan ada-lah di-dasarkan kepada prinsip2 yang dapat di-terima oleh mana2 pehah, dan kepada dasar Amerika yang ada hari ini, ia-itu dasar yang maseh di-perjuangkan oleh President Johnson, supaya ia-nya dapat menjamin dunia, bahawa dasar yang di-amalkan oleh Amerika ada-lah yang adil dan terhormat.

Mendiang Tuan Adlai Stevenson, yang mewakili Amerika ke-Bangsa2 Bersatu lebeh dari empat tahun, pernah menjadi Governor di-Springfield, Illinois dalam tahun 1948. Sebelum menjadi Governor, Tuan Stevenson pernah menjadi sa-orang wartawan, tugas yang membawa kepada Stevenson lebeh chenderong kepada politis di-masa itu.

TOKOH BESAR

Dalam tahun 1952 dan 56, Stevenson telah menjadi chalon president Amerika, party Demokrat, tetapi dalam kedua2 perjuangan itu, Stevenson telah di-kalahkan, walaupun Tuan Stevenson menerima sambutan sekurang2-nya 27 juta undi, dari ra'ayat Amerika, yang pada masa itu menyokong perjuangan Stevenson.

Mendiang Tuan Stevenson semasa hayat-nya, dari sejak kecil hidup dalam serba kemewahan oleh keluarga yang mempunyai harta, juga datok-nya pada satu ketika menjadi Naib President. Tetapi perjuangan Tuan Stevenson membuktikan perjuangan untuk ra'ayat Amerika, dan perdamaian antara bangsa, mengorbankan segala tenaga, hingga di-akhir usia-nya 65 tahun itu.

Stevenson mendapat didekan di-Bloomington, Illinois, walaupun Stevenson tidak sukakan kepada pelajaran undang2, tetapi Stevenson terpaksa juga mengaji undang2 di-Choate School dan Princeton University, dan setahun di-Harvard Law School hingga 1923. Sa-telah dua tahun Tuan Stevenson keluar, beliau membantu penerbitan akhbar, keluaran keluarga-nya.

Oleh di-sebabkan kemahiran dan kechergasan-nya sebagai wartawan, dengan pengalaman yang di-perolehi dari persekolahan-nya sebagai peguam, Stevenson telah mendapat tempat utama di-kalangan penduduk2 Chicago, sebagai Peguam Libral. Mulai dari waktu itu-lah Stevenson bijak memberikan pidato2-nya.

Dalam tahun 1941 menjadi penolong khas ke-Washington, dan 1943 mengetuai satu perutusan ka-negeri Itali kerana meranchangkan dasar2 pekerjaan. Dalam tahun 1945 berkhidmat sebagai penolong khas di-persidangan San Francisco mengenai Pertubuhan Dunia. Kemudian lewat dalam tahun itu menjadi perwakilan

Amerika ke-Surohanjaya Persidangan bagi Bangsa2 Bersatu di-London. Dalam tahun 1946, sidang pertama Bangsa2 Bersatu, Tuan Stevenson menjadi penasehat kanan kepada Perwakilan Amerika, dan terus menjadi perwakilan hingga sidang 1947.

Dan di-sini-lah tangga permulaan Stevenson meningkat kepada menjadi sa-orang tokoh Amerika, yang sahingga akhir hayat-nya menjadi ketua perwakilan di-Bangsa2 Bersatu.

Di-lahirkan di-Los Angeles, California pada 5 February, 1900.



Setia Usaha Agong Pertubuhan Bangsa2 Bersatu U Thant kelihatan terharu tetapi tenang, ketika menerima berita kematian Tuan Adlai Ewing Stevenson.

KUNJONGAN DAN SEBAB KEMATIAN

Kematian Tuan Stevenson pada hari Rabu, 14 July yang lalu itu ada-lah di-sebabkan oleh Coronary Thrombosis, ia-itu Perjalanan saloran darah ke-jantung-nya tersumbat.

Stevenson pada masa itu berada di-bandar raya London, setelah menghadiri persidangan Bangsa2 Bersatu di-Geneva, sebelum pulang ke-New York. Bagaimana pun selama di-London, Tuan Stevenson berhasil mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri British, Tuan Harold Wilson dan Menteri Luar Tuan Michael Stewart, dalam mana Tuan Stevenson telah membincangkan masaalah antara bangsa, tetapi tidak lupa pula menyentoh tentang kedudukan di-Vietnam, di-mana Amerika bersama Vietnam Selatan berjuang menentang Komunis Viet Cong.

Kedutaan Amerika di-bandar raya London, ada-lah tempat yang terakhir sekali di-kunjongi oleh Tuan Stevenson, kerana beberapa waktu meninggalkan bangunan itu, Tuan Stevenson telah meninggal dunia, setelah jatuh tidak sedarkan diri di-tengah2 jalan Tanah Lapang Grosvenor. Perchubahan hendak menyelamatkan nyawa Tuan Stevenson telah gagal, akhirnya Stevenson di-bawa ka-rumah sakit St. George, di-mana pengshahan kematian-nya di-umumkan.

Dari sejak berita kematian Tuan Stevenson, kawat2 ta'ziah telah tiba menchurah2 di-Amerika, serentak dengan itu juga Johnson telah bertindak menamakan Tuan Francis T. Plimton menjadi ketua perwakilan Amerika

ke-Bangsa2 Bersatu, menggantikan Tuan Stevenson, sa-hingga satu perlantikan baru di-buat.

PENGGANTI MENURUT RAMALAN

Walaupun Tuan Plimton kuat di-ramalkan akan memegang jawatan itu, tetapi President Johnson mungkin melantek sa-orang yang tegas, dapat memberikan perkhidmatan-nya kepada White House di-Washington dan Party Demokrat.

Dari kematian Tuan Stevenson, maka timbul pula beberapa ramalan mengenai orang yang akan menggantikan Tuan Stevenson. Kalau di-kaji dari pendapat2 politic di-Amerika, dan setengah2 perwakilan, Setiausaha Negara Amerika Tuan Dean Rusk mungkin di-tingkatkan memegang jawatan. Tetapi ramalan ini juga tidak asing lagi menentukan Dr. Ralph Bunche, sa-orang kaum Negro yang memenangi hadiah nobel, yang sekarang memegang jawatan Setiausaha Rendah Urusan Politic Khas Pejabat Setiausaha Agong, General Maxwell Taylor bekas Duta Besar Amerika ke-Saigon dan Senator William Fulbright, yang menjadi pengurus Jawatankuasa Perhubungan Luar Senate.

Bagaimana pun, ramalan2 ini akan dapat di-tentukan, tidak berapa lama lagi, setelah kenyataan rasmi di-terbitkan dari Rumah Puteh di-Washington.

INGATAN

Jenazah mendiang Tuan Adlai Stevenson telah di-terbangkan balek ke-Amerika. Setelah di-letakkan di-Washington, maka jenazah mendiang Tuan Adlai Stevenson dari Springfield, Illinois semalam telah di-bawa ke-Bloomington, Illinois, di-masa Tuan Stevenson di-perbesarkan. Hari ini penduduk2 di-Bloomington pula memberikan penghormatan terakhir kepada mendiang Tuan Stevenson, yang di-kebumikan lewat hari ini, hari Ithnin 19 haribulan July.

Pemimpin Amerika President Johnson di-iringi oleh isteri-nya, juga turut ke-istiadat mengubumikan mendiang Tuan Stevenson, di-Bloomington Illinois itu. Walaupun Stevenson sekarang telah pergi buat selama2-nya, seperti lain2 tokoh dunia, nama dan jasa utama Stevenson tetap di-kenang selagi dunia wujud seperti yang ada sekarang.

Pertunjukan Pertanian

BANDAR BRUNEI — Pertunjukan Pertanian Sa-Negeri Brunei pada tahun ini akan di-adakan pada hari Juma'at 3 September.

Pertunjukan itu akan di-adakan di-Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam dan juga di-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei.

Orang ramai yang berhajat hendak mempamerkan barang2 pertunjukan mereka seperti tanam2an, perusahaan2, pertukangan tangan dan sa-bagai-nya ada-lah di-minta bersedia dari sekarang.

JAWATAN KOSONG:

Pegawai Kesehatan

Permohonan2 ada-lah di-pe-lawa untuk memenohi jawatan Pegawai Kesehatan, di-Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei.

Kelayakan2:

- (a) Mesti-lah pemegang degree, diploma atau lesen yang diakui serta yang membolehkan dia-nya di-daftar oleh Majlis Awam bagi Pelajaran Perubatan dan Pendaftaran di-United Kingdom.
- (b) Mesti-lah pemegang degree lain atau pun lesen dalam jurusan perubatan dan pem-belahan yang Pegawai Perubatan Negara fikir boleh, oleh kerana hal2 yang istimewa, di-anggap sebagai menchukopi walau pun dia-nya di-daftarkan di-United Kingdom.

Pengalaman:

Hanya chalon2 yang telah mengambil kursus "post-graduate" dalam Kesehatan Umum dan di-ingini juga mereka itu mempu-

nyai Diploma Kesehatan Umum atau mempunyai pengalaman dalam perkhidmatan Kesehatan Umum akan di-pertimbangkan.

Tugas2:

Menjalankan semua tugas2 sa-orang Pegawai Kesehatan, termasuk juga Pentadbiran Kesehatan Umum, Perkhidmatan2 Kesehatan Pelabohan dan Lapangan Terbang, Pendaftaran Perangkaan Beranak dan Mati, dan lain2.

Gaji—Dalam sukatan gaji \$1020x40 - 1660 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan dan pengalaman. Alaon Pujokan, sekira-nya berhak, boleh di-bayar sebanyak M\$150 hingga M\$260 sa-bulan selain dari gaji bulanan. (M\$1 = 2s. 4d. sterling).

Tempoh Perkhidmatan:

Sechara berkontrek selama 3 tahun, dan boleh di-perbaharui jika bersetuju.

Baksis:

Baksis sebanyak 12½% dari gaji

akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada di-kenakan chukai pendapatan di-Brunei.

Butir2 mengenai tambang, chuti dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-penohi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 serta dua keping gambar (separoh ukoran pos kad) kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 31 Julai, 1965.

Pemberitahuan Tawaran

1. Tawaran2 akan di-terima oleh Pengurus, Lembaga Tawaran, di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei sahingga jam 4-00 petang pada hari Ithnin 26hb Julai, 1965 bagi:—

Mengadakan 3 Units Roller Gerakan Ringan, Berkipas Sendirian.

2. Tawaran2 yang di-terima sudah waktu ini akan di-tolak.

3. Butir2 kenyataan boleh di-lihat dan segala butir2 lain boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara, Jabatan Kerja Raya, Brunei semasa hari bekerja

4. Tawaran2 mesti-lah di-masokkan ka-dalam sampol2 surat biasa yang bertutup. Maka di-muka sampol itu tidak-lah boleh di-buat tanda yang

boleh mengenalkan siapa nama penawar.

5. Sampol2 surat itu mesti-lah di-alamatkan kepada Pengurus, Lembaga Tawaran di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei.

6. Kerja yang di-tawarkan mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampol surat dan perkataannya "Mengadakan 3 Units Roller Gerakan Ringan, Berkipas Sendirian".

7. Tawaran2 yang di-terima dalam sampol2 surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

8. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sa-habis rendah sekali atau sa-barang tawaran.

SRI ARJUNA BANGSAWAN

Tiba Di-Brunei 4 Hari Lagi

BANDAR BRUNEI. — Sri Arjuna Bangsawan, ia-itu sa-buah Bangsawan yang terkenal di-Malaya dan Singapura, akan melawat ka-Negeri Brunei sadikit hari lagi untuk mengadakan persembahan di-negeri ini di-bawah anjoran Perusahaan Bintang Timor Singapura.

Rombongan itu, mengandongi seramai 30 orang Seniman2 dan Seniwati2 akan tiba di-Brunei dengan kapal laut dari Singapura melalui Labuan pada petang hari Ahad 25 Julai.

Pada malam itu, para pelakon Bangsawan tersebut akan bermain di-kawasan Istana Darul Hana semasa di-adakan Perayaan Sambutan Hari Perkahwinan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Saleha. Persembahan itu akan

Seniwati2 Marsita, Zira Agus, Rohani Muti, Nooraini Salimin, Bibi Yem, Faridah Salleh, Hamidah Ahmad serta Seniwati2 Alijah dan Maimun, ia-itu anak-enda "Raja Kelakar" Aman Belon. Di-antara Seniman2 pula, ia-lah Rahim Omar, Noor K. K., Rahman B., Husni, Karim Latif dan Engku Diaudin.

Dua orang Ahli2 Lawak, Che' Wan Lodeh dan Oudoh Isa, akan juga "menggeli-hati" para penonton dengan lakonan2 jenaka mereka yang istimewa.

Mulai pada malam 26 Julai, Sri Arjuna Bangsawan akan bermain di-Panggung Borneo selama kira2 tiga minggu.

MENGHADHIRI PERSIDANGAN TALIKOM

BERAKAS. — Pengawalan Talikom Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Haji Mohamed telah berangkat ka-Kuala Lumpur pada petang hari Rabu yang lalu untuk menghadiri Persidangan Bulanan Talikom Malaysia dan Brunei.

Persidangan Talikom itu telah di-adakan di-Kuala Lumpur pada hari Khamis 15 Julai. Berbagai2 perkara yang bersangkutan paut dengan Jabatan2 Talikom di-Malaysia dan Brunei telah di-bincangkan di-mashuarat tersebut.

Balek Dari U. K.

BERAKAS. — A.S.P. Awangku Omar bin Pengiran Haji Apong dari Pasokan Pulis Brunei, telah kembali ka-Brunei dari United Kingdom pada petang hari Ahad yang lalu.

Beliau telah tamat menghadiri Kursus Chawangan Khas di-sana selama tujuh minggu.

PERADUAN BERZANJI

SERIA. — Peraduan Membacha Barzanji akan berlangsung pada hari Sabtu, 24 Julai mulai pukul 7-30 malam, bertempat di-Masjid Seria.

Peraduan ini ada-lah atas anjoran penuntut2 Kelas Dewasa Ugama Lelaki dan Perempuan di-Seria, bersempena dengan perayaan menyambut Maulud Nabi.

Peraduan itu ada-lah terbuka kepada penuntut2 Kelas2 Dewasa Ugama Daerah Belait.



Dalam gambar ini kelihatan sa-bilangan dari Ahli2 Pancharagam Sri Arjuna Bangsawan yang akan bermain di-Brunei.

PERTANDINGAN SOKAN BORNEO

Johan Baling Peluru Besi - A. Sibidol (Brunei)
Johan Lompat Jauh - Zunaidi Hamdan (Brunei)

KUCHING. — Sarawak telah menjadi Johan Bahagian Lelaki dan Sabah telah menjadi Johan Bahagian Wanita dalam Pertandingan Sokan Borneo yang telah di-adakan di-Padang Sokan Jubilee pada hari Juma'at 16 dan hari Sabtu 17 Julai, 1965.

Dengan kemenangan-nya itu, Sabah telah berjaya menyandang sa-mula Perisai yang di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin.

Tiga belas rekod baru dan 1 rekod lama telah di-chiptakan ditemasha sokan tersebut.

Sa-banyak 8 perlawanan telah di-jalankan pada hari pertama dan 20 perlawanan telah di-jalankan pada hari kedua.

Dalam pertandingan sokan tersebut Brunei telah menjadi Johan dalam Lompat Jauh dan Baling Peluru.

Jumlah mata yang di-dapati oleh tiap2 pasokan ada-lah seperti berikut:

Bahagian Lelaki: 1. Sarawak 129 mata. 2. Sabah 119 mata dan 3. Brunei 90 mata.

Bahagian Wanita: 1. Sabah 101 mata. 2. Sarawak 95 mata dan 3. Brunei 37 mata.

Para peserta dari Brunei telah menunjukkan chara permainan mereka dengan baik belaka di-samping mempunyai *Semangat Kesokanan* yang tinggi di-sanubari masing2 sungguh pun Brunei telah mendapat gelaran yang ketiga dalam Bahagian Lelaki dan dalam Bahagian Wanita.

Keputusan penoh pertandingan sokan ada-lah seperti berikut:

400 meter — lelaki: 1. Kuda Dita (Sarawak). 2. Abdul Wahab Salleh (Sarawak) dan 3. A. Hamid Momin (Brunei). Masa-nya 54 sa'at — rekod baru.

1,500 meter — lelaki: 1. Balwant Singh Kler (Sabah). 2. Dilbagh Singh Kler (Sabah) dan 3. Hamdan (Sarawak). Masa-nya 4 minit 11.55 sa'at.

Lari Berganti2 4x100 meter — lelaki: 1. Sarawak. 2. Brunei dan 3. Sabah. Masa-nya 42.7 sa'at — rekod baru.

Lompat Jauh — lelaki: 1. Zunaidi Hamdan (Brunei). 2. Albert Chong (Sabah) dan 3. Wong Ah Yun (Sabah). Jauh-nya 22 kaki 2 inchi.

100 meter — lelaki: 1. Marzuki Hassan (Sarawak). 2. Bill Chai (Sarawak) dan 3. Abdullah Mustapha (Brunei). Masa-nya 10.9 sa'at.

200 meter — lelaki: 1. Donald Williams (Sarawak). 2. Marzuki Hassan (Sarawak) dan 3. Abdullah Mustapha (Brunei). Masa-nya 22 sa'at — rekod baru.

800 meter — lelaki: 1. Abdul Latiff Olen (Sarawak). 2. Balwant Singh Kler (Sabah) dan 3. Dilbagh Singh Kler (Sabah). Masa-nya 1 minit 54.3 sa'at — rekod baru.

5,000 meter — lelaki: 1. Dilbagh Singh Kler (Sabah). 2. Hamdan (Sarawak) dan 3. David Tan (Sarawak). Masa-nya 16 minit 33.6 sa'at.

Lompat pagar 110 meter — lelaki: 1. Kuda Dita (Sarawak). 2. Salleh Wahab (Sarawak) dan 3. Stephen Umbol (Sabah). Masa-nya 14.8 Sa'at — rekod baru.

Lompat pagar 400 meter — lelaki: 1. Kuda Dita (Sarawak). 2. Salleh Wahab (Sarawak) dan 3. A. Hamid Momin (Brunei). Masa-nya 54 sa'at — rekod baru.

Lompat bergalah: 1. David Chu Siew Kai (Sabah). 2. Ting Ming Hua (Sarawak) dan 3. Kueh Hong Seng (Sarawak). Tinggi-nya 11 kaki 6 inchi.

Lompat Tinggi — lelaki: 1. David Chu Siew Kai (Sabah). 2. Wong Ah Yun (Sabah) dan 3. Kueh Hong Seng (Sarawak). Tinggi-nya 6 kaki 1 inchi.

Lompat Kijang — lelaki: 1. Rambli Rani (Sarawak). 2. Chang Siew Khyun (Brunei) dan 3. Albert Chong (Sabah). Jauh-nya 46 kaki 8 inchi.

Baling Peluru — lelaki: 1. A. Sibidol (Brunei). 2. William Yeo (Brunei) dan 3. Eric Chin (Sabah). Jauh-nya 42 kaki 5½ inchi.

Baling Lembing — lelaki: 1. Sylvester Chang (Sabah). 2. Bugis Manyeh (Sarawak) dan 3. Fred Fung (Sabah). Jauh-nya 179 kaki 10 inchi.


Baling Piring Besi — lelaki: 1. Eric Chin (Sabah). 2. A. Sibidol (Brunei) dan 3. Philip Thien (Sabah). Jauh-nya 127 kaki 4 inchi — rekod baru.

Lari berganti2 4x400 meter — lelaki: 1. Sarawak. 2. Brunei dan 3. Sabah. Masa-nya 3 minit 22.2 sa'at — rekod baru.

BAHAGIAN WANITA

800 meter — wanita: 1. Chong Mei Ling (Sarawak). 2. Ratan Kaur Kler (Sabah) dan 3. Gurjit Kaur Bagwala (Sabah). Masa-nya 2 minit 22.4 sa'at — rekod baru.

100 meter: 1. Kueh Swee Hong (Sarawak). 2. Kong Chiew Yun



Zunaidi Hamdan

(Sabah) dan 3. Maria Yusof (Sarawak). Masa-nya 12.8 sa'at.

200 meter — wanita: 1. Kong Chiew Yun (Sabah). 2. Maria Yusof (Sabah) dan 3. Lee Nyuk Moi (Sarawak). Masa-nya 28 sa'at.

400 meter: 1. Chong Mei Ling (Sarawak). 2. Thien Lee Chu (Sarawak) dan 3. Lim Geok Kheng (Brunei). Masa-nya 62.8 sa'at — rekod baru.


Lompat pagar 80 meter: 1. Kueh Swee Hong (Sarawak). 2. Lucy Thien (Sabah) dan 3. Haracharan Kaur (Sabah). Masa-nya 11.8 sa'at — rekod baru.

Lompat tinggi: 1. Marie Nair (Sabah). 2. Kueh Siew Luan (Sarawak) dan 3. Lucy Thien (Sabah). Tinggi-nya 4 kaki 7 inchi.

Lompat jauh: 1. Marie Nair (Sabah). 2. Regina Chong (Sarawak) dan 3. Lucy Thien (Sabah). Jauh-nya 16 kaki 6 inchi.

Baling peluru: 1. Mary Wong (Sabah). 2. Wong Mun Yun (Sabah) dan 3. Vivien Ee (Sarawak). Jauh-nya 33 kaki 7½ inchi — rekod baru.

Baling lembing: 1. Vivien Ee (Sarawak). 2. Wong Mun Yun (Sabah) dan 3. Chong Nyet Har



A. Sibidol

(Sabah). Jauh-nya 112 kaki 1 inchi — rekod baru.

Baling piring besi: 1. Seah Kim Hua (Sarawak). 2. Mary Wong (Sabah) dan 3. Regina Tong (Sarawak). Jauh-nya 88 kaki 3¼ inchi.

Lari berganti2 4x100 meter: Johan - Sarawak dan Sabah. Masa-nya 52.6 sa'at. Naib Johan - Brunei. Masa-nya 57.7 sa'at.

Tinju Kejohanan Borneo : YUNUS TUDIN MENANG

SIBU. — Yunus Tudin dari Brunei telah berjaya menyandang gelaran Johan Bahagian "Flyweight" dalam Pertandingan Tinju Kejohanan Seluruh Borneo di-Sibu pada malam 18 Julai yang lalu.

Dalam perlawanan itu, Yunus telah mengalahkan Bernad de La Shantos dari Sabah dengan hitungan mata.

Lain2 keputusan Pertandingan Tinju tersebut bahagian akhir ada-lah seperti berikut:

Bantam Weight: Abu Hajja dari Sarawak mengalahkan Raub dari Brunei.

Feather Weight: John de La Shantos dari Sabah mengalahkan Sah Leong Mowe dari Sarawak.

Light Weight: Evarisous Yong dari Sabah mengalahkan Sahari dari Sarawak.

Light Welter Weight: Teddy Ustah dari Sabah mengalahkan Norshah dari Brunei.

Welter Weight: Jaraee dari Sarawak mengalahkan Edelese Misamis dari Sabah.

Perlawanan Khas Bahagian **Middle weight:** Ahmad Rashid dari Brunei mengalahkan Koprul Waldron dari Sarawak.

Perlawanan2 bahagian permulaan telah di-adakan pada malam 17 Julai dan perlawanan2 akhir di-adakan pada malam 18 Julai.

Pertandingan Bulutangkis

SERIA. — Pasokan bulutangkis Kelab Melayu Shell, Seria telah mengalahkan pemain2 Pasokan Sulaiman, dari Kuala Belait dalam pertandingan persahabatan yang di-langsungkan di-gelenggang Kelab Melayu Shell baru2 ini.

Pertandingan tersebut mengandungi 8 perlawanan, 4 persaorangan dan 4 bergu. Kelab Melayu Shell memenangi semua perlawanan persaorangan dan 3 dari 4 perlawanan bergu.

Hasil2 perlawanan ada-lah sebagai berikut. Nama pemain2 K.M.S. di-sebut dahulu: —

Persaorangan:

Rabaie Metali mengalahkan Sulaiman Senosi, 10-15, 15-3, 15-7; Ishak Kassim mengalahkan Baidi, 15-4, 15-4; Ibrahim Taha mengalahkan Che'gu Sumali, 15-5, 15-5; Marji Mansor mengalahkan Pg. Dullah, 17-15, 15-0.

Bergu:

Harry Yaman/G. Ali mengalahkan Che'gu Sumali/Labok,

15-9, 12-15, 15-2; Ali Hj.Paun/Hj. Abd. Rahman mengalahkan Ah Lim/Pg. Dullah, 15-8, 15-2; Mohd. Noor/Bohari Ali di-kalahkan oleh Joseph Voon/Liaw T., 15-11, 15-6; Hasbi Kipli/Othman Hj. Paun mengalahkan Sulaiman/Shim Kaw Kia, 15-1, 15-10.

PERLUMBAAN BERJALAN KAKI

KERIAM. — Perlumbaan Berjalan Kaki Jarak Jauh di-bawah anjoran Persatuan Melayu Keriam akan di-adakan pada pagi hari Ahad 29 Ogos akan datang.

Perlumbaan itu di-bahagikan kepada empat peringkat ia-itu:

(a) Lelaki Dewasa persaorangan dan berpasokan. (b) Kanak2 Lelaki. (c) Perempuan Peringkat "A" dan (d) Perempuan Peringkat "B".

Berita lanjut berkenaan dengan Perlumbaan Berjalan Kaki tersebut akan di-siarkan dalam akhbar ini pada hari Rabu 28 Julai, 1965.

SOKAN BORNEO

D.Y.M.M.

Mengucapkan Tahniah Kepada Peserta2

KUCHING. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin, dalam ucapan tahniah Baginda sa-bagai menyambut Pertandingan Sokan Borneo yang telah di-adakan di-Kuching, Sarawak pada hari Juma'at dan Sabtu yang lalu, berharap agar Sokan Borneo itu menjadi bukti dan hasrat Baginda dan Kerajaan Baginda pada menghubungkan hubungan berbaik dengan jiran2 Brunei, ia-itu Sabah dan Sarawak.

Baginda juga berharap dan perchaya, dengan ada-nya Pertandingan Sokan saperti itu, maka perasaan saling mengerti di-antara peserta2 dari ketiga2 wilayah ini akan sentiasa tersemat di-sanubari masing2.

Duli Yang Maha Mulia kemudiannya mengesa para peserta supaya sentiasa mempunyai perasaan yang tenang dan tabah serta mempunyai kepercayaan bahawa dari usaha yang sehat, maka mereka akan mempunyai kebolehan untuk mencapai kejayaan.

Kapada para peserta yang tidak berjaya, Duli Yang Maha Mulia perchaya dengan ada-nya perasaan dan semangat tekun Laila Murni, maka mereka akan mendapat kejayaan yang dichita2kan.

JIWA KESOKANAN

Tujuan mengadakan pertandingan sokan itu, titah Baginda, ia-lah juga untuk menunjukkan bahawa sa-sa-orang peserta itu bukan hanya mempunyai kebolehan bahkan kerana ia berkechenderongan dan mempunyai Jiwa Kesokanan atau "Sporting Spirit", ia-itu satu daripada sifat2 yang di-kehendaki bagi sa-sa-orang rakyat yang berguna bagi sa-sabuaah negeri.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin kelihatan dalam gambar ini semasa Baginda melawat Perdana Menteri Malaysia, Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman Putera Al-Haj di-Rumah Sakit di-London baru2 ini.



Yunus Tudin dari Brunei telah berjaya menyandang gelaran sabagai Johan Bahagian "Flyweight" dalam Pertandingan Tinju Kejohanan Borneo di-Sibu, Sarawak baru2 ini. Dalam gambar ini kelihatan Yunus di-usong oleh rakan2-nya semasa rombongan perwakilan dari Negeri Brunei ka-Pertandingan Tinju itu kembali ka-Brunei dari Sibu pada 19 Julai.



Pasokan Brunei kelihatan berbaris di-upachara pembukaan rasmi Pertandingan Sokan Borneo di-Kuching pada petang hari Juma'at 16 Julai, 1965.